



Ringgit dijangka diniagakan pada kecenderungan meningkat minggu depan

KUALA LUMPUR, 30 Okt -- Ringgit diunjur diniagakan dalam julat dengan kecenderungan meningkat berbanding dolar AS minggu depan, memandangkan pembentangan Bajet 2022 akan terus memacu sentimen positif terhadap ekonomi Malaysia, kata penganalisis.

Ketua Pakar Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata secara keseluruhannya Bajet 2022 menunjukkan kerajaan akan terus memainkan peranan penting untuk memastikan proses pemulihan ekonomi dilaksanakan secara lebih mampan.

Beliau berkata bagi minggu depan pula, pelabur akan memberi tumpuan kepada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) pada Rabu.

“Secara amnya, BNM akan mengekalkan kadar dasar semalaman (OPR) tidak berubah pada 1.75 peratus. BNM dijangka optimis dalam penilaian ekonomi mereka, membayangkan OPR mungkin lebih tinggi tahun depan.

“Ini akan membantu memacu ringgit ke paras lebih tinggi. Kami mengunjurkan USD/MYR akan menguji paras sokongan pada 4.1203 minggu depan,” katanya kepada Bernama.

Pada Jumaat, Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz membentangkan Bajet 2022 bertemakan ‘Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera’ di Parlimen.

Sebanyak RM332.1 bilion diperuntukkan bagi Bajet 2022, dengan RM233.5 bilion daripada jumlah itu akan disalurkan sebagai perbelanjaan mengurus manakala RM75.6 bilion untuk perbelanjaan pembangunan dan bakinya RM23 bilion kepada Kumpulan Wang COVID-19.

Ia mendukung tiga paksi utama iaitu memperkukuh pemulihan, membina daya tahan dan memacu pembaharuan.

Sementara itu, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada Khamis melaporkan prestasi dagangan Malaysia bagi September 2021 meningkat 25.5 peratus tahun ke tahun kepada RM195.5 bilion susulan eksport dan import negara mencatatkan pertumbuhan dua angka yang kukuh.

Jumlah eksport mencecah paras tertinggi baharu RM110.8 bilion iaitu pertumbuhan sebanyak 24.7 peratus berbanding tahun sebelumnya manakala import menokok 26.5 peratus kepada RM84.7 bilion tahun ke tahun, menurut DOSM menerusi Buletin Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia September 2021.

Bagi dagangan yang baru berakhir minggu ini, ringgit diniagakan tinggi berbanding dolar AS disokong oleh sentimen positif berterusan terhadap pembentangan Bajet 2022 di samping data perdagangan yang memberangsangkan bagi September.

Bagi asas mingguan, ringgit meningkat 100 mata asas kepada 4.1390/1415 berbanding dolar AS pada Jumaat daripada 4.1490/1520 pada minggu lepas.

Unit tempatan juga didagangkan lebih tinggi berbanding mata wang utama lain.

Ringgit naik berbanding dolar Singapura kepada 3.0762/0783 daripada 3.0825/0849 ketika ditutup pada Jumaat minggu lepas dan meningkat berbanding euro kepada 4.8232/8261 daripada 4.8307/8342.

Mata wang domestik juga stabil berbanding yen kepada 3.6403/6425 daripada 3.6436/6466 minggu lepas dan lebih kukuh berbanding pound Britain kepada 5.7089/7124 daripada 5.7269/7310.

<https://www.bernama.com/bm/pasaran/news.php?id=2018389>